

 Selasa, Mac 27 2018

Tidak jejas sasaran defisit – Johari

KUALA LUMPUR 26 Mac – Perbelanjaan tambahan oleh kerajaan Pusat bagi tahun 2017 sekitar RM7 bilion, tidak akan menjejaskan sasaran defisit fiskal atau lebihan perbelanjaan yang ditetapkan pada kadar tiga peratus.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, keperluan tambahan peruntukan itu diperlukan untuk menanggung pelbagai perbelanjaan termasuk aspek luar jangka seperti pembayaran pencen kakitangan awam yang memilih bersara awal.

“Soalan sama ada perbelanjaan tambahan ini mengubah defisit kita bagi 2017? Defisit kita bagi



Utusan 27/3

Soalan sama ada perbelanjaan tambahan ini mengubah defisit kita bagi 2017? Defisit kita bagi 2017 tetap sama iaitu tiga peratus”

JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

2017 tetap sama iaitu tiga peratus,” katanya ketika menggulung Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2017) 2018 peringkat dasar dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Perbelanjaan tambahan itu

melibatkan peruntukan kira-kira RM7.8 bilion untuk kegunaan beberapa kementerian dan pembayaran lain merangkumi pencen.

Sidang Dewan Rakyat hari ini meluluskan rang undang-undang tersebut di peringkat dasar.